

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 01/10/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional / 25

Tajuk : Ibu bapa, masyarakat perlu sokong koperasi sekolah

Ibu bapa, masyarakat perlu sokong koperasi sekolah



Kamaruddin (duduk, tengah) bergambar bersama para guru dan ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Seksyen 19, Shah Alam pada Jumaat.

SHAH ALAM - Ibu bapa dan masyarakat perlu memberikan sokongan padu terhadap koperasi sekolah anak-anak mereka yang dilihat mampu memberi manfaat kepada pelajar berkenaan.

Ahli Lembaga Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Kamarudin Ismail berkata, sinergi antara pihak tersebut termasuk guru dan pelajar sekolah secara tidak langsung boleh menjana keuntungan kepada koperasi sekolah berkenaan.

Menurutnya, koperasi sekolah kini mempunyai kios dan kafe tersendiri bagi membolehkan pelajar membeli barangan atau makanan dalam kawasan sekolah berbanding di luar.

"Kita perlu lihat dalam konteks koperasi sekolah, yang mana ibu bapa perlu sama-sama membantu untuk me-

nyokong koperasi sekolah, selain pelajar yang mempunyai saham dalam kegiatan tersebut," katanya ketika merasmikan Hari Koperasi Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 19, di sini pada Jumaat.

Acara berkenaan dimeriahkan dengan 30 gerai menjual aneka makanan dan barangan yang disertai oleh 2,600 orang pelajar sekolah itu.

Kamarudin berkata, beberapa anugerah turut diberikan kepada para pelajar dan guru yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam mengendalikan koperasi sekolah.

"Sambutan ini tertangguh selama dua tahun kerana pandemik Covid-19, jadi tahun ini kita mulakan kembali dengan pelajar-pelajar dan guru mengendalikan koperasi," jelasnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA